

**KAJIAN KESESUAIAN PELAKSANAAN KONSEP PERTUMBUHAN
PINTAR (*SMART GROWTH*) PADA PERINGKAT TEMPATAN MELALUI
PEMBENTUKAN KOMUNITI PEJALAN KAKI (*WAKABLE COMMUNITY*)**

**KAJIAN KES:
KAWASAN KEJIRANAN TAMAN UNIVERSITI**

KEE WOUI LIN

**Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan ijazah
Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

DISEMBER 2005

ABSTRAK

Pembangunan yang pesat dan tidak terkawal telah menyebabkan kawasan bandar menjadi semakin meluas dan mewujudkan isu penyerakan bandar (*urban sprawl*). Isu penyerakan bandar telah memberi banyak impak negatif seperti kesesakan lalulintas, pencemaran udara, peningkatan perbelanjaan tenaga, kemudahsampaian yang rendah dan lain-lain. Satu idea yang dikenali sebagai Pertumbuhan Pintar (*Smart Growth*) telah dicetuskan di Amerika Syarikat berkenaan dengan cara bagaimana bandar, komuniti dan metropolitan berkembang dan membangun dalam keadaan yang lebih mampan. Satu kajian telah dijalankan untuk mengkaji potensi dan kesesuaian pelaksanaan konsep Pertumbuhan Pintar di Malaysia pada peringkat tempatan melalui pembentukan komuniti pejalan kaki (*walkable community*). Pengumpulan data terhadap perjalanan aktiviti harian semasa dan tahap penerimaan konsep komuniti pejalan kaki telah dijalankan ke atas 100 isirumah di satu kawasan Taman Universiti dan dinalisis dengan menggunakan teknik frekuensi, diskriptif, jadual silang dan chi-square dalam perisian SPSS. Kajian inventori tapak juga dijalankan untuk meninjau potensi dan halangan fizikal kawasan kajian dalam membentuk komuniti pejalan kaki, hasil analisisnya adalah dalam bentuk pelan, jadual perbandingan dan penerangan. Hasil penemuan menunjukkan modal split pada kadar kenderaan persendirian yang tinggi iaitu 71 : 29 dan perjalanan aktiviti harian yang dibuat dengan berjalan kaki adalah pada tahap yang rendah iaitu hanya 12%. Faktor-faktor utama penduduk tidak terdorong untuk berjalan kaki terdiri daripada cuaca yang panas, jarak dan kesedaran terhadap ancaman daripada kenderaan bermotor yang mana berkait dengan rekabentuk kejuruteraan. Walaubagaimanapun, penemuan kajian menunjukkan tahap penerimaan penduduk terhadap konsep Komuniti Pejalan Kaki adalah tinggi iaitu 89%. Selain itu, terdapat potensi dari segi ciri-ciri fizikal kawasan kajian dalam meningkatkan tahap daya berjalan kaki (*walkability*) sedia ada dengan beberapa pembaikan diperlukan. Prinsip-prinsip perancangan dan elemen rekabentuk kejuruteraan termasuk berskala pejalan kaki, berkepadatan tinggi, campuran guna tanah dan bangunan boleh diterapkan dalam perancangan kejuruteraan tempatan untuk membentuk persekitaran yang menggalakkan berjalan kaki dan unggul supaya membentuk asas untuk mencapai cabaran pembangunan dalam pembangunan mampan. Maka, pihak-pihak yang terlibat dalam pembangunan perlu menyepadukan komponen perancangan, rekabentuk, kejuruteraan dan penguatkuasaan dalam konsep komuniti pejalan kaki ke arah memenuhi keperluan pejalan kaki dalam kejuruteraan tempatan pada masa akan datang.

ABSTRACT

Rapid and uncontrolled urbanization has caused the widening of urban boundary and the rising of urban sprawl issues. Urban sprawl has caused some negative impacts such as traffic congestion, air pollution, high consumption of energy, low accessibility and etc. There is a growing of new idea called Smart Growth in United States regarding how to manage a community, city and metropolis to grow in more livable in order to deal with the issue of urban sprawl. Therefore, studies had been carried out to understand the potential and suitability of Smart Growth concepts implementation in Malaysia context through the creation of walkable community. Data collection of existing daily trips and the acceptance of walkable community concept among 100 household from a Taman Universiti neighbourhood had been done. Data were analysed by using basic statistics frequency, descriptive, cross tabulation table and chi square analysis in SPSS (Social Package for Social Science). Site inventory study was also carried out to investigate the physical potentials and barriers to form a walkable community. The findings of study show that the modal split of the automobile rate is relatively high that is 71 : 29 and daily trips which made by walking are low at 12%. The main factors which respondents cited for not willing to walk are hot climate, distance and safety. This relates to the way the community area was designed. However, survey findings show that the acceptance of respondents on walkable community concept is quite high at 89%. Meanwhile the physical condition of site shows that there are some potentials of physical aspect that to be enhanced in order to increase the level of walkability while some other improvements need to be done. Planning principles and designed elements included walkable environment, high density, mix land use and multi-use building can be interpreted into local communities in order to form a basis as one of the urban challenge towards sustainable development. Those who are involved in development should integrate the components of planning, designed, engineering, enforcement and education into walkable community concept towards fulfilled the requirements of pedestrian into local neighbourhood in future.